

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
[ HULU LANGAT ]**

**SOALAN : 368**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah semua menara komunikasi yang dipasang oleh Syarikat Telekomunikasi berdaftar dengan Kementerian, berapa jumlah di Semenanjung Malaysia dan adakah ia boleh diguna sama.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap syarikat yang ingin membina menara komunikasi perlu mendaftar dan mempunyai lesen yang sah dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkaitan. Tindakan undang-undang akan diambil terhadap syarikat yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

Sehingga kini, terdapat 1,000 buah menara komunikasi telah dibina di seluruh negara di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) kelolaan SKMM. Pada masa ini, masih terdapat 800 menara yang sedang dibina oleh syarikat-syarikat yang berjaya dilantik oleh SKMM melalui proses tender terbuka. Kesemua menara yang dibina boleh digunakannya oleh semua syarikat komunikasi untuk tujuan peluasan liputan dan peningkatan kualiti perkhidmatan selular.

**SOALAN NO : 368**

Selain itu, perkhidmatan komunikasi selular juga dapat ditawarkan oleh syarikat komunikasi utama negara kepada para pengguna melalui pendekatan teknologi Akses Perkongsian Rangkaian (RAN Sharing) yang melibatkan perkongsian rangkaian dan peralatan transmisi pada sebuah menara yang sama. Melalui pendekatan ini, liputan perkhidmatan selular dapat diperluaskan pada kadar kos dan masa yang lebih efisien dan seterusnya memanfaatkan lebih ramai pengguna di kawasan liputan.